



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PELANCARAN PLATFORM BIG DATA DAN ARTIFICIAL INTELLIGENCE
(AI) UNTUK KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA
SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM DAN AGENSI-AGENSI YANG BERKEPENTINGAN
UNTUK PEMANTAUAN MASA SEBENAR EPIDEMIC,
APLIKASI WEB UNTUK PEMANTAUAN SENDIRI (SELF SCREENING)
DAN PENGEMASKINIAN MASA SEBENAR EPIDEMIC UNTUK ORANG
RAMAI**

Tarikh: 24 Mac 2020

1. Pada menjunjung Titah Perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan berikutan dengan penularan wabak COVID19, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi kerajaan yang lain termasuk syarikat yang berkaitan dengan kerajaan telah mula membangun platform berasaskan Artificial Intelligence (AI) iaitu dalam usaha untuk menghasilkan masa sebenar ataupun ***real-time Government dashboard***. *Dashboard* ini adalah sebagai tambahan kepada pengawasan dan pemantauan yang sedang dan telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dan dijadikan sebagai salah satu sumber maklumat yang tepat berkenaan dengan situasi terkini COVID-19 di negara ini dan di seluruh dunia.



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

2. Sebagai sebahagian daripada inisiatif ini, ***real time web application platform***, iaitu salah satu aplikasi web untuk membolehkan orang ramai mengetahui secara ***real time*** (masa sebenar) jumlah terkini kes Wabak COVID19 di negara ini dan di seluruh dunia akan dilancarkan bermula pukul 7 malam ini. Ini termasuk maklumat berkenaan dengan jumlah kes jangkitan (*active cases*), jumlah pesakit yang telah sembuh, jumlah mereka yang masih menjalani kuarantin dan jumlah mereka yang dalam keadaan kritikal dan sebagainya. Walaubagaimanapun, dimasa akan datang maklumat boleh diperolehi secara terperinci seperti jangkitan wabak mengikut Daerah, Mukim dan lokasi yang membolehkan pihak yang berwajib membuat tindakan-tindakan yang tertentu mengenainya.
3. Platform ini juga mempunyai *online self-screening tool* yang membolehkan individu untuk membuat penilaian jika mereka menghidap simptom-simptom COVID19 dan seterusnya memberikan nasihat tertentu untuk diambil tindakan oleh individu yang berkenaan.
4. Dalam pada itu, platform yang dibangun ini akan membolehkan pihak Kerajaan memanfaatkan *big data science* dan *artificial intelligence algorithms* dalam usaha untuk membantu pihak-pihak yang berkenaan mengetahui tahap kesihatan penduduk, ramalan kadar jangkitan, pemetaan sumber perubatan (medical resource mapping) dan seterusnya dapat membuat perancangan secara berkesan terhadap pengurusan sistem, penyediaan peralatan penjagaan kesihatan negara dan penyediaan polisi-polisi tertentu;



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

5. Inisiatif yang berskala besar ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa usaha yang berterusan dan bersepadu diantara pihak yang berkepentingan di dalam Kerajaan dan pihak swasta seperti Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Pengangkutan dan Info-Komunikasi (MTIC), Syarikat IT Protective Security Services Sendirian Berhad (ITPSS), Syarikat Dynamik Technologies Sendirian Berhad dan Unified National Networks Sendirian Berhad (UNN) dan rakan kongsi iaitu YiduCloud Technology Company Ltd iaitu sebuah syarikat teknologi penjagaan kesihatan yang terkemuka di negara China untuk terus membangunkan infrastruktur berasaskan *data intelligence* yang menghubungkan dan meningkatkan kecekapan dan kualiti ekosistem penjagaan kesihatan di negara ini.

6. Insha Allah, real time web application platform dapat digunakan setelah orang ramai menerima pesanan ringkas (iaitu Push SMS). Push SMS akan dihantar kepada semua nombor telefon bimbit di negara ini secara berfasa bermula pukul 7 malam sebagaimana yang saya nyatakan tadi. Orang ramai boleh menggunakan aplikasi web berkenaan untuk membuat penilaian sendiri (self-assessment) terhadap status kesihatan masing-masing (*iaitu samada mereka mungkin berisiko dijangkiti COVID-19 atau sebaliknya*). Apa jua Maklumat yang terdapat dalam sistem ini



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

akan dikategorikan sebagai **sulit** dan tidak akan dikongsikan kepada mana-mana pihak.

7. Pada masa yang akan datang, ciri-ciri baru (*additional features*) akan dimasukkan ke dalam platform yang dimaksudkan dan untuk menjadikannya lebih komprehensif termasuk siaran-siaran akhbar rasmi Kerajaan yang boleh dijadikan sebagai sumber maklumat kepada orang ramai dalam memantau perkembangan COVID-19 di negara. Orang ramai adalah digalakkan untuk terus merujuk kepada aplikasi web ini untuk sama-sama membantu pihak Kerajaan dalam usaha membendung jangkitan-jangkitan yang berkaitan dengannya.

Sekian Terima Kasih

Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam